

DATE: 07/04/2008

Abdullah jawab kritikan Mahathir, Ku Li

Sinar Harian - 7/4/2008

Abdullah berkata, semasa Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, kerajaan mengenakan sekatan tertentu termasuk meminta akhbar tidak menyiarkan gambar bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn.

KUALA LUMPUR - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sebelum ini menegaskan tidak tunduk kepada desakan supaya meletakkan jawatan, semalam dengan lantang dan tegas menjawab kritikan-kritikan yang dilempar terhadapnya oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Penerangan bersama Presiden UMNO mengenai keputusan pilihan raya umum lepas, Perdana Menteri yang lazimnya bersikap berdiam diri terhadap kritikan Dr Mahathir, memberi isyarat sebaliknya.

Abdullah mengakui Tun Dr Mahathir sebagai mantan Perdana Menteri memang mempunyai kekuatan dan pengaruh, tetapi beliau menyifatkan tokoh veteran UMNO itu telah menyalahgunakan kekuatannya sehingga merugikan parti.

"Tun Mahathir kata dia kuat, tetapi beliau telah menyalahgunakannya. Dulu masa kita (BN) menang pada pilihan raya 2004, beliau ber-

kata kuat sangat, tidak boleh, tidak elok, kena ada pembangkang.

"Apabila keputusan pilihan raya 2008 pembangkang naik (menang 82 daripada 222 kerusi parlimen) kita ingat dia mahu 'celebrate' (raikan), tetapi kita kena hentam pula. Mengapa jadi begini?" soal Abdullah.

"Menang banyak tidak boleh, dan menang sedikit pun tak boleh..." katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan berlawan dengan Dr Mahathir daripada nada kenyataannya itu, Abdullah berkata "saya bercakap apa yang perlu saya cakap dan saya tidak bercakap apa yang saya tidak perlu bercakap."

Abdullah berkata, beliau sedar bahawa rakyat mahu beliau mula bercakap perkara yang dianggap mereka penting dijawab supaya UMNO terus kuat dan mendapat keyakinan rakyat.

Abdullah juga menjawab tuduhan kononnya beliau merupakan pemimpin yang 'lembik' dan membiarkan segala-galanya diputuskan oleh menantunya, Khairy Jamaluddin.

"Masa saya (memerintah) tidak ada kebebasan, tetapi (dalam masa yang sama) kata saya lembik. Takut pada Si Lembik?" tanya beliau.

"Yang lain bodoh belaka, kononnya Khairy saja pandai," katanya merujuk kepada tuduhan Dr Mahathir bahawa Abdullah telah membiarkan dirinya dipengaruhi oleh menantunya dalam membuat keputusan dan



Abdullah ketika sidang akhbar selepas Majlis Penerangan bersama Presiden UMNO, semalam.

mentadbir negara.

"Tuduhan ini dibuat tanpa batasan dan terus hentam saja," kata beliau.

Abdullah berkata, semasa Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, kerajaan mengenakan sekatan tertentu termasuk meminta akhbar tidak menyiarkan gambar bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn.

Menyentuh tentang ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang telah menawar diri bertanding jawatan Presiden pada

pemilihan UMNO Disember ini untuk memulihkan parti itu, Abdullah berkata, pemimpin Kelantan itu perlu melihat dirinya sendiri dan apa yang menyebabkan BN gagal merampas semula negeri itu daripada Pas.

"Ku Li perlu lihat pada diri, dia yang sebab kita kalah dan Kelantan jatuh ke tangan Pas. Selama Pas menguasai Kelantan, ada sekali beliau cuba bawa balik kerajaan, itu pun gagal juga," katanya.

Kelantan jatuh ke tangan Pas se-

jak 1990 menerusi kerjasamanya dengan parti Semangat 46 yang diterajui Tengku Razaleigh ketika itu. Pada pilihan raya 2004, BN hampir merampas kembali negeri itu apabila memenangi 21 daripada 45 kerusi dan satu kerusi lagi pada pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada 2005.

Abdullah berkata, beliau juga dimaklumkan bahawa Tengku Razaleigh tidak membantu BN Kelantan pada pilihan raya umum 8 Mac lalu.

Abdullah menegaskan bahawa hubungan beliau dengan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak tidak mempunyai apa-apa masalah. Beliau berkata, Najib adalah pengganti beliau apabila tiba masanya.

Ditanya mengenai langkah memulihkan parti, beliau berkata, selain beliau dan Najib akan turun ke peringkat akar umbi, hubungan UMNO di peringkat cawangan dengan kepimpinan UMNO akan diperkukuhkan menerusi mekanisme perjumpaan secara tetap.

- BERNAMA

"Ku Li perlu lihat pada diri, dia yang sebab kita kalah dan Kelantan jatuh ke tangan Pas. Selama Pas menguasai Kelantan, ada sekali beliau cuba bawa balik kerajaan, itu pun gagal juga."

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi